

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera


Rangka Kerja Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful (VBIT): Membuka Potensi Industri Takaful ke arah Ekosistem Kewangan Mapan

Kuala Lumpur, Rabu, 23 Jun 2021 – Industri Takaful di Malaysia mengorak langkah maju ke depan dalam menerapkan agenda Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) dengan memperkenalkan Rangka Kerja Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful (VBIT). Rangka kerja VBIT dilancarkan pada hari ini di JC3 Flagship Conference: #FinanceForChange. Dalam ucap tama beliau, Gabenor Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus menekankan bahawa “sektor kewangan berada di posisi yang unik dan kukuh untuk menyumbang ke arah agenda kelestarian lebih meluas, termasuk membantu untuk membasmi kemiskinan dan ketidakseimbangan”.

Sejak Kertas Strategi VBI diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2017, industri Takaful komited dalam menterjemahkan VBI ke dalam amalan perniagaan dan nilai yang ditawarkan kepada pelanggan. Pada dasarnya, VBI memfokuskan kepada penerapan amalan yang menghasilkan impak kelestarian terhadap ekonomi, masyarakat, dan alam sekitar – prinsip amalan yang boleh digunakan oleh seluruh komuniti sektor kewangan. Rangka Kerja VBIT ini berfungsi sebagai garis panduan yang komprehensif dalam melaksanakan amalan dan nilai VBI dalam industri takaful dan ianya relevan untuk dipraktikkan oleh pengendali Takaful Keluarga, Takaful Am, dan Takaful Semula.

Rangka Kerja ini menggalakkan pemain industri untuk merealisasikan objektif Syariah, atau Maqasid Syariah. Ia mengupas secara mendalam mengenai intipati teras VBIT iaitu Daya Tahan Kewangan, Memperkasa Komuniti, Tadbir Urus Kendiri Yang Baik dan Kelakuan Terbaik. Ia juga menerangkan bagaimana strategi dan amalan perniagaan yang didorong oleh nilai dapat diterapkan dalam *Corporate Value Intent (CVI)*, visi dan misi pengendali Takaful masing-masing. Walaupun terdapat pelbagai pendekatan dalam melaksanakan amalan dan inisiatif berasaskan nilai, empat titik fokus diutamakan dalam Rangka Kerja VBIT iaitu Penglibatan Inklusif Pihak Berkepentingan (*Inclusive Stakeholder Engagement*), Solusi Berasaskan Nilai (*Value-Driven Solutions*), Penilaian Berasaskan Impak (*Impact-Based Assessments*) dan Kolaborasi Konstruktif (*Constructive Collaborations*). Dalam hal ini, industri bermatlamat untuk bekerjasama dalam

memaklumkan kemajuan dan keberkesanan inisiatif berasaskan nilai kepada masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.



“Kelestarian adalah topik yang dibahas secara meluas dalam masyarakat hari ini. Sebagai sebahagian dari industri yang berkembang, sekarang adalah waktu yang terbaik bagi industri Takaful untuk mempertimbangkan inisiatif nilai tambahan dalam perlakuan dan amalan perniagaan. Rangka Kerja ini penting bagi membantu industri Takaful menyepadukan prinsip berasaskan nilai dengan lancar ke dalam amalan perniagaan masing-masing. Ini selari dengan aspirasi untuk mencapai perlindungan inklusif bagi menangani isu sosio-ekonomi yang relevan untuk golongan masyarakat yang kurang atau tidak mendapat perkhidmatan kewangan ,” kata Encik Elmie Aman Najas, Pengerusi Persatuan Takaful Malaysia.

"Kami menjangkakan bahawa dari semasa ke semasa, penerapan agenda VBI ini akan memberi impak yang signifikan kepada model peniagaan pengendali Takaful dan ini akan mendorong industri ke arah ekosistem kewangan yang lestari untuk Komuniti (Manusia), Alam Sekitar (Planet) dan Ekonomi (Kemakmuran). Institusi kewangan Islam yang berorientasikan VBI termasuk pengendali Takaful dan Takaful Semula boleh, dan wajar, memainkan peranan penting dalam memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim dan gejala sosial,” tambahnya.

Pembangunan Rangka Kerja VBIT ini melibatkan kupasan terperinci oleh pemain industri. Inisiatif ini dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat, dengan tujuan untuk mengubah pola pemikiran, mendorong kreativiti dan memacu inovasi untuk memberikan impak positif dan bermakna. Perjalanan dalam menghasilkan nilai bagi mencapai aspirasi industri Takaful adalah tanggungjawab pengendali Takaful dan usaha kolektif semua pihak berkepentingan yang terlibat.

Rangka Kerja VBIT yang lengkap boleh dimuat turun di laman sesawang VBIT dengan menggunakan kod QR di bawah atau layari www.vbitakaful.com.



Tamat

Mengenai MTA

Persatuan Takaful Malaysia (MTA) telah ditubuhkan pada November 2002 di bawah Akta Pertubuhan 1966. Ia merupakan persatuan perdagangan yang mewakili semua 18 pengendali Takaful dan Retakaful berlesen di negara ini. Objektif dan kuasa MTA adalah untuk menggalakkan kepentingan ahli-ahlinya untuk mengetuai dan mengawasi pengawalseliaan sendiri dalam industri Takaful

Untuk sebarang pertanyaan media sila hubungi :

Puan Siti Nor Kamariah

Head of Corporate Communications

Malaysian Takaful Association

21st Floor, Main Block

Menara Takaful Malaysia

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

Tel : +603-2031 8160

Fax : +603-2031 8170

E-mail : mtasecretariat@malysiantakaful.com.my